



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 30 JULAI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN MAKANAN NEGARA TERJAMIN, MENCUKUPI, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TAHAP KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA STABIL – MOHAMAD SABU, ASTRO AWANI -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bekalan makanan negara terjamin, mencukupi



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu. - FAIL NSTP

KUALA LUMPUR: Tahap keterjaminan makanan di Malaysia, masih stabil susulan pelbagai usaha kerajaan, termasuk penyaluran bantuan kepada golongan sasaran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata bantuan berkenaan mampu membantu meningkatkan sektor agromakanan dan import untuk memastikan bekalan makanan mencukupi.

"Berdasarkan trend pengeluaran dan import semasa, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin bekalan makanan dalam negara mencukupi bagi menampung keperluan domestik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Forum Menteri Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 di Auditorium Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, hari ini.

Forum itu membabitkan empat panel iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd; Felo Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Fatimah Mohamed Arshad; Pengerusi Johor Plantations Berhad, Tan Sri Dr Ismail Bakar; dan Pemilik Evergreen Livestock Sdn Bhd, Datuk Yap Yun Fook.

Mohamad berkata, agenda keterjaminan makanan negara memerlukan pembabitkan semua pihak dalam membuat perancangan dan halatuju pembangunan industri agromakanan negara.

"Semua pihak perlu komited dalam meningkatkan keterjaminan makanan di samping usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import.

"Kerajaan mengharapkan cadangan dan tindakan lebih agresif dapat dirangka dalam menaikkan kapasiti pengeluaran makanan," katanya.

Ketika ini, katanya, kebergantungan terhadap import makanan semakin meningkat dengan data menunjukkan RM63.6 bilion pada 2021 dan meningkat kepada RM75.5 bilion tahun lalu.

Mohamad berkata, sumber import masih diperlukan kerana sesetengah komoditi makanan tidak dapat dihasilkan secara domestik atas faktor kesesuaian iklim, tidak ekonomik, kekangan sumber tanah dan tenaga kerja.

"Kebergantungan tinggi terhadap import memberi cabaran berterusan kepada kementerian dalam mencapai imbalan dagangan yang positif," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Tahap keterjaminan makanan negara stabil - Mohamad Sabu



Mohamad berkata, agenda keterjaminan makanan negara perlukan penglibatan semua pihak dalam membuat perancangan dan hala tuju pembangunan industri agromakanan negara. - Bernama

KUALA LUMPUR: Tahap keterjaminan makanan di Malaysia stabil dan bekalan makanan dalam negara diyakini mencukupi bagi menampung keperluan domestik, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan

Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata berdasarkan Indeks Keterjaminan Makanan Global (GFSI) 2022, Malaysia berada di tangga ke-41 daripada 113 negara dengan skor 69.9 dan di tangga kedua selepas Singapura dalam kalangan negara Asia Tenggara.

"Bagaimanapun, agenda keterjaminan makanan negara memerlukan penglibatan semua pihak dalam membuat perancangan dan hala tuju pembangunan industri agromakanan negara.

"Komitmen semua pihak adalah amat diharapkan bagi meningkatkan keterjaminan makanan di samping usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import," katanya dalam ucap-tama program Ministerial Forum Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 di sini, hari ini.

Beliau menggariskan lima fokus utama KPKM tahun ini bagi menjayakan agenda keterjaminan makanan, selaras Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara dan Dasar Agromakanan Negara 2.0.

Mohamad berkata fokus pertama ialah pemerksaan industri akuakultur bertujuan mengurangkan tekanan kepada permintaan sumber perairan semula jadi, di samping meningkatkan pendapatan menerusi industri tersebut.

"Kedua ialah memperluas penternakan lembu secara fidlot untuk memperkasakan pengeluaran lembu pedaging bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan serta eksport dan ketiga, penanaman jagung bijian sebagai sasaran peningkatan pengeluaran jagung bijian sebanyak 30 peratus menjelang 2032 untuk mengurangkan kebergantungan import.

"Selain itu, mempertingkatkan penglibatan belia untuk berkecimpung dalam sektor agromakanan dan pertanian pintar kerana cabaran utama bagi sektor tersebut adalah isu pekerja asing dan petani menua," katanya.

Tambahnya KPKM akan turut menambah baik institut latihan pertanian supaya dapat melahirkan graduan berkualiti tinggi dalam bidang teknologi pertanian, penyelidikan dan pembangunan serta pertanian moden dan pintar, seiring hasrat negara membentuk pekerja mahir pertanian.

-- BERNAMA
